# Terma Dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan

*(Versi: 30.08.2018)*

*Terma dan Syarat Umum ini bagi Akaun dan Perkhidmatan adalah diguna pakai untuk akaun deposit, akaun pelaburan dan perkhidmatan yang berkaitan yang disediakan oleh AmBank (M) Berhad (No Syarikat: 8515-D) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U).*

**1. Takrif**

Istilah dan ungkapan berikut di dalam Terma dan Syarat Umum ini hendaklah membawa maksud yang ditetapkan kepadanya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:

1.1. 'Akaun' bermakna apa-apa jenis akaun deposit atau akaun pelaburan yang dibuka dan disenggarakan oleh Pemegang Akaun dengan Bank.
1.2. "Pemegang Akaun" bermakna Entiti yang mana Akaun dibuka dan disenggarakan di bawah namanya dengan Bank.
1.3. "Baki Yang Ada" bermakna jumlah yang ada di dalam Akaun berdasarkan rekod Bank.
1.4. "Kumpulan AmBank" bermaksud semua syarikat berkaitan dan bersekutu (i) Bank; (ii) syarikat induk Bank; dan (iii) syarikat induk muktamad Bank.
1.5. "Bank" bermakna AmBank (M) Berhad/ AmBank Islamic Berhad (yang mana berkaitan), hak terdahulu mereka, pengganti hak dan pemegang serah hak mereka masing-masing.
1.6. "Laman Sesawang Bank" bermakna laman sesawang yang dikendalikan oleh Bank, yang mana pada masa ini adalah www.ambankgroup.com.
1.7. "BNM" bermakna Bank Negara Malaysia dan termasuk subsidiarinya dan biro yang ditubuhkan olehnya.
1.8. "Akaun Korporat" bermakna Akaun yang dibuka dan disenggarakan oleh sebuah syarikat.
1.9. "Perkhidmatan e-Channel" bermakna perkhidmatan yang diberikan oleh Bank melalui ATM, mesin deposit tunai, mesin deposit cek, telefon, telefon bimbit dan internet.
1.10. "Tarikh Berkuatkuasa" bermakna tarikh Terma dan Syarat Umum ini dikuatkuasakan, iaitu pada 1 Januari 2011.
1.11. "Entiti" bermakna dan tidak terhad kepada; orang biasa, perkongsian, pemilik tunggal, firma, syarikat, perbadanan, badan korporat, persatuan/anggota yang tidak diperbadankan, amanah organisasi, badan berkanun,entiti kerajaan, negeri/agensi negeri dan entiti lain yang diiktiraf di bawah undang-undang Malaysia.
1.12. "Keadaan Force Majeure" bermakna apa-apa kejadian/ situasi/ keadaan yang di luar kawalan Bank, termasuk pemberi perkhidmatan dan ejen, yang menjejaskan penyampaian Perkhidmatan kepada Pemegang Akaun.
1.13. "Terma dan Syarat Umum" bermakna Terma dan Syarat Umum ini bagi Akaun dan Perkhidmatan.
1.14. "Akaun Bersama" bermakna Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh dua/ lebih orang biasa.
1.15. "Pemegang Akaun Bersama" bermakna Pemegang Akaun bagi Akaun Bersama.
1.16. "Mandat" bermakna terma pengendalian Akaun yang diberikan kepada Bank oleh Pemegang Akaun.
1.17. "Akaun Perkongsian" bermakna Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh sebuah Perkongsian.
1.18. "Perkhidmatan" bermakna perkhidmatan yang diberikan oleh Bank berkaitan dengan Akaun atau berdasarkan arahan oleh Pemegang Akaun dan termasuk Perkhidmatan E-Channel.
1.19. "Terma dan Syarat Khusus" bermakna terma dan syarat khusus yang diguna pakai untuk Akaun dan/atau Perkhidmatan tertentu.
1.20. "Terma dan Syarat" bermakna secara kolektif, Terma dan Syarat Am, Terma dan Syarat Khusus dan Terma dan Syarat Perkhidmatan e-Channel.

**2. Tafsiran**

2.1. Rujukan kepada 'undang-undang' termasuk dan tidak terhad kepada; undang-undang/statut di dalam Malaysia, enakmen negeri, undang-undang subsidiari, undang-undang kecil, garis panduan, peraturan dan kaedah-kaedah yang di keluarkan dibawahnya.
2.2. Tajuk setiap terma dan syarat di sini hanya disertakan untuk rujukan senang dan hendaklah diketepikan di dalam tafsiran mana-mana peruntukan di sini.
2.3. Apa-apa terma yang berkaitan dengan perkhidmatan perbankan dan kewangan yang tidak didefinisikan secara khususnya di sini hendaklah ditafsirkan berdasarkan amalan umum perniagaan dan perdagangan industri perbankan dan kewangan Malaysia.
2.4. Apa-apa terma perbankan konvensional yang digunakan di sini hendaklah, di mana konteks mengkehendaki, hendaklah diubah suai kepada terma Perbankan Islam yang diguna pakai bagi Akaun yang disenggarakan bersama AmBank Islamic Berhad.
2.5. Apabila sesuatu tindakan dikehendaki dilakukan dalam ketetapan beberapa hari selepas/daripada tarikh yang ditetapkan, tempoh tersebut termasuk dan bermula daripada tarikh yang telah ditetapkan.
2.6. Perkataan 'di sini' dan perkataan yang maksudnya sama, di mana digunakan di dalam Terma dan Syarat Umum ini, hendaklah di mana konteksnya dikehendaki/dibenarkan, merujuk kepada Terma dan Syarat Umum secara keseluruhan dan tidak kepada manamana peruntukan yang tertentu.
2.7. Sebarang terma yang telah ditakrifkan di dalam mana-mana peruntukan Terma dan Syarat Umum ini hendaklah mempunyai maksud yang sama apabila digunakan di tempat lain di dalam Terma dan Syarat Umum ini.
2.8. Apa-apa perkataan (termasuk perkataan yang ditakrifkan di sini) yang hanya membawa/mempunyai makna/bererti angka mufrad hendaklah termasuk jamak dan begitulah sebaliknya dan perkataan yang menggunakan jantina maskulin, yang mana sesuai, termasuk jantina feminin dan neuter dan begitulah sebaliknya.

**3. Pembukaan Akaun**

3.1. Pembukaan Akaun hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Bank dengan memberikan dokumen yang diperlukan dan maklumat yang dikehendaki oleh Bank sebagai mematuhi prosedur Bank untuk pembukaan Akaun.
3.2. Atas permintaan Bank, Pemegang Akaun hendaklah memberikan tandatangan spesimen, melaksanakan dokumen tersebut, melakukan sedemikian dan memberikan dokumen tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang dokumen pengenalan diri yang memuaskan Bank) sebagaimana Bank anggap cepat untuk membuka Akaun. Jika Pemegang Akaun gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank, Bank atas budi bicara mutlaknya boleh menolak permohonan untuk membuka Akaun.
3.3. Walaupun Akaun dibuka di cawangan Bank yang tertentu, Bank atas budi bicaranya boleh memindah pengendalian dan penyenggaraan Akaun ke cawangan lain, sama ada untuk rasionalisasi cawangan/atau sebaliknya.

3.4. Bank atas budi bicara mutlaknya boleh menolak permohonan pembukaan Akaun bagi Entiti yang tidak diiktiraf sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang.

3.5. Bank berhak menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, dengan notis terdahulu kepada pelanggan, amaun minima bagi deposit pertama atau pelaburan pertama yang diperlukan untuk membuka dan menyenggarakan sesebuah Akaun berdasarkan jenis akaun kecuali Akaun Simpanan Asas dan Akaun Semasa Asas dimana amaun minima adalah RM20 dan RM500 masing-masing.

**4. Waad dan Penyataan Pemegang Akaun**

4.1. Pemegang Akaun hendaklah:
- 4.1.1. mematuhi Terma dan Syarat pada setiap masa sepanjang tempoh Akaun dikendalikan oleh Bank;
- 4.1.2. memberi Bank maklumat dan dokumen yang relevan berkenaan sumber dana yang didepositkan atau dilaburkan ke dalam Akaun;
- 4.1.3. tidak dibenarkan mendeposit atau melabur apa-apa jumlah dari hasil aktiviti dan sumber haram;
- 4.1.4. tidak dibenarkan menggunakan Akaun untuk apa-apa aktiviti haram atau transaksi fraud;
- 4.1.5. mengendalikan dan menyenggara Akaun tertakluk kepada prosedur Bank dan undang-undang terpakai;
- 4.1.6. apabila mendepositkan wang tunai melalui juruwang Bank:
  - a. tidak meninggalkan wang tunai tanpa diawasi sehingga juruwang Bank telah menerima wang tunai;
  - b. mengira semua wang tunai yang diterima daripada juruwang Bank sebelum beredar dari kaunter kerana Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kekurangan wang tunai yang telah diserahkan kepada Pemegang Akaun.
  - c. menyemak semua transaksi nota debit/kredit yang dilakukan di kaunter transaksi. Jika gagal berbuat demikian, pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan.

4.2. Pemegang Akaun menyatakan bahawa;
- 4.2.1. beliau layak di sisi undang-undang untuk membuka dan mengendalikan Akaun;
- 4.2.2. semua maklumat dan dokumen yang telah diberikan kepada Bank semasa membuka dan mengendalikan Akaun adalah sah, benar, tidak diubah dan tidak dipalsukan.

4.3. Pengendalian Akaun secara berterusan adalah bergantung kepada waad dan penyataan Pemegang Akaun yang berterusan. Pemegang Akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi apa-apa kepercayaan yang diletakkan oleh Bank ke atas waad dan pernyataan Pemegang Akaun.

**5. Mandat**

5.1. Mandat hendaklah jelas, secara bertulis dan di dalam terma yang diterima dan boleh dikuatkuasakan oleh Bank.

5.2. Sebarang perubahan di dalam Mandat hendaklah dimaklumkan secara bertulis oleh Pemegang Akaun kepada cawangan Bank di mana Akaun disenggarakan.

5.3. Mandat berkenaan dengan Akaun hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan oleh Pemegang Akaun secara bertulis. Bank hendaklah dibayar ganti rugi bagi tindakan ke atas Mandat yang diberikan untuk Akaun sehingga pembatalan Mandat dimaklumkan pada masa yang tepat secara bertulis kepada Bank dan disah terima oleh Bank.

5.4. Pemegang Akaun bersetuju bahawa jika tiada sebarang arahan khusus sebaliknya, semua Akaun yang dibuka selepas ini oleh Pemegang Akaun yang sama hendaklah dikendalikan dan diuruskan selaras dengan Mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun semasa Akaun pertama dibuka.

5.5. Pemegang Akaun hendaklah memastikan bahawa tandatangannya ke atas cek, arahan dan komunikasi dengan Bank adalah sama dengan tandatangan spesimen yang diberikan kepada Bank atau sebarang dokumen yang mengandungi Mandat. Jika gagal berbuat demkian, Bank mempunyai budi bicara untuk enggan bertindak ke atas cek, arahan dan komunikasi tersebut. Walaubagaimanapun, Bank berhak untuk bertindak ke atas cek Pemegang Akaun, arahan/komunikasi walaupun tandatangan Pemegang Akaun berlainan dari tandatangan spesimen yang diberikan jika cek, arahan/komunikasi sememangnya datang dari Pemegang Akaun.

5.6. Bagi Entiti yang dikawal oleh undang-undang spesifik, Mandat yang diberikan kepada Bank hendaklah juga mematuhi undang-undang spesifik terpakai ke atas Entiti.

**6. Penyata Akaun**

6.1. Bagi Akaun yang penyatanya dihantar pada sela masa tertentu seperti yang ditetapkan oleh Bank, Pemegang Akaun bersetuju untuk menyemak, mengesahkan dan meneliti setiap satu entri, rekod dan transaksi yang disenaraikan di dalam penyata yang dihantar oleh Bank untuk memastikan sama ada terdapat sebarang percanggahan, ketidaksekataan, pengeluaran / debit yang tidak dibenarkan, transaksi "fraud" / entri yang dibuat tanpa Mandat dari Pemegang Akaun.

6.2. Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank terhadap sebarang percanggahan, ketidaksekataan, pengeluaran / debit yang tidak dibenarkan, transaksi fraud / entri yang dibuat tanpa Mandat dari Pemegang Akaun dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan penyata Akaun, jika gagal berbuat demikian, Pemegang Akaun dianggap telah menerima entri, rekod dan transaksi yangdilakukan pada tarikh entri akhir di dalam penyata sebagai transaksi betul dan sah yang dilakukan ke atas Akaun.

6.3. Bank berhak berhenti menghantar penyata Akaun kepada Pemegang Akaun jika penyata dikembalikan kepada Bank kerana tidak dapat disampaikan.

6.4. Tertakluk kepada Syarat dan Terma, semua penyata Akaun dan rekod transaksi dan entri yang disimpan oleh Bank di dalam rekodnya adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan mengikat Pemegang Akaun.

**7. Arahan dan Pengesahan**

7.1. Semua arahan kepada Bank hendaklah cukup jelas, secara bertulis dan ditandatangani oleh Pemegang Akaun. Arahan sedemikian hendaklah berkuatkuasa hanya apabila Bank telah mengaku menerima arahan tersebut.

7.2. Penerimaan dan tindakan oleh Bank terhadap sebarang arahan oleh Pemegang Akaun adalah tertakluk kepada mana-mana terma yang ditetapkan oleh Bank.

7.3. Bagi arahan lisan yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank, ianya hendaklah disahkan secara bertulis dan dihantar kepada Bank pada hari yang sama.

7.4. Dalam hal Bank perlu bergantung dan membuat pengesahan lisan kepada Pemegang Akaun melalui telefon, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak ke atas pengesahan/arahan melalui telefon sedemikian di mana Bank percaya secara munasabah bahawa ianya berasal dari Pemegang Akaun.

7.5. Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak melaksanakan apa-apa arahan dan membekukan Akaun jika Bank berpendapat ia mempunyai sebab untuk berasa sangsi terhadap kesahihan arahan/suratcara bayaran/mempertimbangkan ia wajar berbuat demikian atas budi bicara mutlaknya.

7.6. Pemegang Akaun hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, kerosakan, tuntutan, permintaan, kos dan semua jenis tanggungan lain yang mungkin dikenakan/ditanggung oleh Bank akibat daripada Bank menerima dan bertindak ke atas arahan Pemegang Akaun dengan suci hati, sama ada secara lisan/bertulis/melalui apa-apa saluran komunikasi yang diberikan oleh bank.

7.7. Bank tidak wajib menerima dan bertindak ke atas sebarang arahan yang tidak bertulis berkaitan dengan perubahan Mandat Akaun/mengubah penandatangan yang dibenarkan/memberi Surat Kuasa Wakil kepada Entiti lain/arahan bayaran daripada Akaun/penutupan Akaun.

7.8. Semua arahan oleh Pemegang Akaun hendaklah tetap berkuatkuasa bagi melindungi Bank berkenaan dengan bayaran yang dibuat/arahan yang dilaksanakan dengan suci hati, tanpa mengambil kira kematian, muflis, perintah penggulungan/pembatalan sebarang arahan melalui apa-apa cara oleh Pemegang Akaun sehingga notis bertulis bersama dengan dokumen yang membuktikan kematian, muflis, perintah penggulungan/pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

7.9. Arahan Pemegang Akaun boleh dilaksanakan walaupun:

- 7.9.1. ia bercanggah dengan arahan lain yang diterima di bawah mana-mana Mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank;
- 7.9.2. Akaun tersebut yang pada masa kini mempunyai Baki yang Ada dalam kredit, mungkin berakhir dengan Baki Yang Ada dalam debit akibat daripada arahan tersebut.

## 8. Cek

8.1. Bagi Akaun yang pengeluaran dibenarkan, Pemegang Akaun hendaklah;

- 8.1.1. hanya membuat bayaran cek kepada penerima yang merupakan sebuah Entiti;
- 8.1.2. menulis cek dengan dakwat yang tidak boleh dipadam, dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hanya dari buku cek yang disediakan oleh Bank;
- 8.1.3. menggunakan tandatangan yang sama seperti tandatangan spesimen yang dibenarkan kepada Bank;
- 8.1.4. mematuhi sebarang arahan dan syarat yang dicetak di atas buku cek;
- 8.1.5. menyimpan buku cek dalam jagaan selamat di dalam suasana yang selamat yang hanya boleh diperolehi oleh Pemegang Akaun;
- 8.1.6. memaklumkan dengan segera kepada Bank secara bertulis jika mana-mana cek/buku cek hilang;
- 8.1.7. memusnahkan sama sekali mana-mana cek yang rosak;
- 8.1.8. cek yang dikeluarkan daripada Akaun mesti sama dengan yang tertera di dalam penyata Akaun yang diberikan oleh Bank dan jika terdapat percanggahan memaklumkan Bank dengan segera;
- 8.1.9. tidak membuat apa-apa perubahan ke atas cek;
- 8.1.10. tidak menulis cek dengan cara yang mengundang penipuan/mengubah cek;
- 8.1.11. tidak meninggalkan cek yang ditandatangan/tidak ditandatangan tanpa diawasi;
- 8.1.12. tidak terlebih dahulu menandatangani mana-mana cek yang kosong;
- 8.1.13. tidak menulis cek daripada Akaun apabila Baki Yang Ada tidak mencukupi untuk membayar amaun yang dinyatakan di dalam cek, melainkan Pemegang Akaun terlebih dahulu menentukan terlebih dahulu kemudahan overdraf/ kemudahan tunai dengan Bank; dan
- 8.1.14. tidak mengeluarkan cek tunda tarikh.

8.2. Kegagalan/pengabaian oleh Pemegang Akaun untuk melaksanakan mana-mana/semua waad dan akujanji yang dinyatakan di dalam Klausa 8.1 di atas hendaklah melepaskan Bank daripada tanggungan, kerugian, debit, ganti rugi, tuntutan, caj, fi dan prosiding berkenaan dengan kegagalan dan pengabaian tersebut.

8.3. Pemegang Akaun diingatkan kepada perkara-perkara berikut:

- 8.3.1. Pemegang Akaun hendaklah memastikan dari Bank sama ada mana-mana cek yang dikeluarkan daripada Akaun/didepositkan atau dilaburkan ke dalam Akaun telah/belum ditunaikan;
- 8.3.2. Sebarang arahan untuk memberhentikan pembayaran cek mestilah dibuat secara bertulis, di dalam borang dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank dan hanya akan berkuatkuasa apabila diterima dan disah terima oleh Bank sebelum cek dilunaskan oleh Bank;
- 8.3.3. Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa cek yang dilunaskan sebelum penerimaan sebarang arahan pemberhentian pembayaran daripada Pemegang Akaun;
- 8.3.4. Bank boleh pada budi bicaranya tidak melunaskan cek bagi baki yang tidak mencukupi untuk membuat pembayaran cek dan tiada tanggungan mengikat Bank berkenaan ini;
- 8.3.5. Bank berhak tidak melunaskan cek dan mengembalikan cek yang menurut pendapat mutlaknya seperti diubah/bercanggah, walaupun telah ditandatangan balas oleh Pemegang Akaun;
- 8.3.6. Semua cek adalah hak milik Bank walaupun setelah Akaun ditutup sama ada oleh Pemegang Akaun/Bank. Dalam situasi tersebut, semua cek yang belum diguna hendaklah dikembalikan kepada Bank;
- 8.3.7. bagi cek yang dihantar melalui pos untuk didepositkan atau dilaburkan ke dalam Akaun, nombor Akaun dan nombor hubungan penerima yang akan dikreditkan mesti ditulis di belakang cek;
- 8.3.8. cek atau instrumen kewangan lain yang didepositkan atau dilaburkan ke dalam Akaun dan kemudiannya tidak dilunaskan, akan dikembalikan melalui serahan tangan/pos kepada Pemegang Akaun ke alamat yang terdapat di dalam rekod Bank atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Akaun sendiri;
- 8.3.9. penerimaan cek/instrumen wang lain untuk dikreditkan ke Akaun adalah pada budi bicara Bank;
- 8.3.10. penukaran cek dengan wang tunai dibenarkan, tertakluk kepada:-
  - a. "A/K Penerima Sahaja" yang tersedia cetak atas cek dipotong dan Pemegang Akaun hendaklah tandatangan di sebelah perkataan tersebut;
  - b. penerima cek adalah di bawah 1 nama individu dan perkataan "ATAU PEMBAWA" hendaklah

dipotong;
c. perkataan "TUNAI" tidak boleh ditulis atas cek.

**9. Akaun Simpanan/Akaun Simpanan Islam**

9.1. Terma berikutnya hendaklah terpakai khususnya untuk akaun simpanan/akaun simpanan Islam yang dibuka dengan Bank;

9.1.1. buku simpanan diberi untuk akaun simpanan/akaun simpanan Islam, buku simpanan tersebut hendaklah disimpan dalam jagaan selamat Pemegang Akaun dan situasi yang selamat yang hanya boleh diperolehi oleh Pemegang Akaun. Jika gagal berbuat demikian Bank tidak akan menanggung rugi bagi kehilangan buku simpanan atau salah guna buku simpanan tersebut;

9.1.2. deposit boleh dibuat dengan atau tanpa buku simpanan;

9.1.3. Pemegang Akaun hendaklah mengemaskini buku simpanannya secara berkala. Jumlah baki yang tercatat di dalam buku simpanan bukanlah baki akhir atau muktamad ke atas Baki Yang Ada di dalam akaun simpanan/akaun simpanan Islam kerana deposit boleh dibuat atau item yang dikenakan caj tanpa melakukan sebarang entri dalam buku simpanan;

9.1.4. baki sebenar dan akhir di dalam akaun simpanan/akaun simpanan Islam adalah berdasarkan rekod-rekod Bank; dan

9.1.5. buku simpanan yang hilang/rosak boleh digantikan dengan baru tertakluk kepada Surat Tanggungan Rugi oleh Pemegang Akaun di dalam format yang boleh diterima oleh Bank dan penggantian tersebut mungkin selanjutnya tertakluk kepada pembayaran fi perkhidmatan.

**10. Akaun Deposit Tetap/ Deposit Bertempoh Islam**

10.1. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai ke atas Akaun Deposit Tetap/ Deposit Bertempoh Islam yang dibuka dengan Bank:

10.1.1. Bank boleh meminda dari semasa ke semasa, amaun minima deposit untuk dimasukkan ke dalam akaun deposit tetap /Deposit Bertempoh Islam;

10.1.2. semua akaun deposit tetap/ deposit bertempoh Islam dengan pilihan pembaharuan secara automatik akan diperbaharui apabila matang bagi tempoh yang sama selanjutnya pada kadar faedah/ keuntungan yang ditetapkan pada masa deposit/deposit bertempoh Islam diperbaharui;

10.1.3. sijil deposit tetap/ deposit bertempoh Islam hanyalah dokumen bukti deposit tetap/ deposit bertempoh Islam dan tidak boleh digunakan untuk rundingan, pindah milik, caj atau sandaran sebagai jaminan tanpa kebenaran bertulis daripada Bank;

10.2. Pengeluaran deposit tetap/ deposit bertempoh Islam hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:

10.2.1. pengeluaran hendaklah selaras dengan Mandat yang diberikan kepada Bank oleh Pemegang Akaun semasa deposit tetap/ deposit bertempoh Islam dibuat;

10.2.2. bukti pengenalan diri Pemegang Akaun hendaklah dikemukakan kepada Bank;

10.2.3. sijil asal deposit tetap/ deposit bertempoh Islam hendaklah dikemukakan dan dikembalikan kepada Bank;

10.2.4. pengeluaran separa daripada deposit tetap/ deposit bertempoh Islam dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

a. jumlah minimum pengeluaran hendaklah dalam gandaan RM 1,000 (Satu Ribu Ringgit);

b. jumlah baki yang tinggal mestilah tidak kurang daripada deposit minimum yang telah ditetapkan mengikut produk/ tempoh masing-masing dan mesti dikekalkan sehingga tarikh matang dan jumlah wang baki tersebut akan terus mengira faedah/ keuntungan sehingga tarikh matang pada kadar asal kontrak;

c. tiada faedah/ keuntungan akan dibayar jika deposit tetap/bertempoh sebahagiannya ditarik balik sebelum tamat tempoh tiga (3) bulan pertama;

d. tertakluk kepada memenuhi (b) di atas, faedah/ keuntungan yang perlu dibayar untuk deposit tetap/ bertempoh sebahagiannya ditarik balik sebelum tarikh matang akan dikira mengikut formula berikut melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Terma dan Syarat Khusus;

<u>Formula</u>
Jumlah faedah/ keuntungan yang perlu dibayar kepada pelanggan untuk sebahagian pengeluaran = (P x t/ 365 x R x %IP), di mana:
P = Permintaan Separa Menebus Jumlah (Amaun yang dikeluarkan)
t = Jumlah hari berdasarkan bulan selesai
R = Kadar Faedah/ Keuntungan
IP = Penalti/ rebat ke atas kadar faedah/keuntungan

e. ditentukan oleh pihak Bank apa-apa amaun yang kena dibayar kepada Pemegang Akaun pada pengeluaran separa adalah muktamad, muktamad dan mengikat Pemegang Akaun;

f. pengeluaran separa tidak dibenarkan bagi Deposit Tetap dengan tempoh lebih daripada 12 bulan, InterestPlus/ Deposit Bertempoh-i ValuePlus, Am50Plus/ Deposit Bertempoh-i Am50-Plus, AmQuantum Investment Account/ Deposit Bertempoh-i AmQuantum & AmMega.

10.2.5. jika semua deposit tetap/ deposit bertempoh Islam dikeluarkan, Akaun akan ditutup oleh Bank.

10.2.6. bagi pengeluaran sebelum tarikh matang:-

a. Tiada faedah/keuntungan akan dibayar jika tempoh Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i adalah 3 bulan dan ke bawah;

b. Bagi Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i dengan tempoh lebih daripada 3 bulan, tiada faedah/keuntungan akan dibayar jika pengeluaran dilakukan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penempatan ; dan

c. Sebelum 1 Januari 2019, jika pengeluaran pramatang dibuat selepas 3 bulan dari tarikh penempatan, hanya 50% daripada faedah/keuntungan yang akan dibayar.

Berkuatkuasa Selasa, 1 Januari 2019 dan seterusnya, faedah / keuntungan TIDAK akan dibayar bagisemua penempatan Deposit Bertempoh-i yang ditarik balik sebelum tempoh matang

Untuk kajian kes atau ilustrasi mengenai deposit tetap / deposit bertempoh-i tertentu, sila rujuk Helaian Pendedahan Produk tertentu, yang boleh diperolehi dari cawangan Islam AmBank / AmBank berhampiran anda.

Jadual 1

| **Jenis Pengeluaran Awal** | **Sebelum 1 Januari 2019** | | **Berkuatkuasa 1 Januari 2019** |
|---|---|---|---|
| | **3 bulan ke bawah dari tarikh penempatan** | **3 bulan ke atas dari tarikh penempatan** | |
| **a) Pengeluaran Separa** | X | √ | X |
| **b) Pengeluaran sebelum tarikh matang** | X | √ | X |

Tertakluk kepada Jadual 1,

X = Penalti/ rebat 100% ke atas kadar faedah / keuntungan yang perlu dibayar untuk setiap bulan yang lengkap, boleh digunakan untuk sama ada jumlah pengeluaran separa / pengeluaran pra-matang.

√ = Penalti/ rebat 50% ke atas kadar faedah / keuntungan yang perlu dibayar untuk setiap bulan yang lengkap, boleh digunakan untuk sama ada jumlah pengeluaran separa / pengeluaran pramatang.

10.2.7. jika sijil asal deposit tetap/ deposit bertempoh Islam didapati hilang, Pemegang Akaun hendaklah:-
- a. memaklumkan Bank dengan kadar segera secara bertulis;
- b. bayar fi yang ditetapkan kepada Bank untuk menggantikan sijil deposit tetap/ deposit bertempoh Islam;
- c. menyempurnakan surat tanggung rugi yang dikehendaki oleh Bank. Bagi Akaun Bersama, surat tanggung rugi hendaklah disempurnakan oleh semua Pemegang Akaun Bersama.

10.3. Apabila Bank bersetuju untuk membenarkan pengeluaran deposit tetap/deposit bertempoh Islam tanpa penyerahan sijil asal deposit tetap/ deposit bertempoh Islam kepada Bank, selepas itu sijil asal deposit tetap/deposit bertempoh Islam adalah terbatal dan tidak sah dan pengekalan sijil asal deposit tetap/ deposit bertempoh Islam tidak memberi apa-apa hak kepada Pemegang Akaun. Rekod yang ada pada Bank berkenaan jumlah pengeluaran di dalam deposit/ deposit bertempoh Islam oleh Pemegang Akaun adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat Pemegang Akaun.

## 11. Arahan Pembayaran

11.1. Sebarang perubahan/pindaan kepada jumlah pembayaran, cara pembayaran dan kala pembayaran berkenaan dengan arahan pembayaran tetap/berkala hendaklah dimaklumkan oleh Pemegang Akaun kepada Bank secara bertulis.

11.2. Bank boleh pada bicara mutlaknya menamatkan arahan pembayaran tetap/berkala berkenaan dengan pembayaran masa hadapan pada bila-bila masa secara bertulis kepada Pemegang Akaun/tanpa memberi notis kepada Pemegang Akaun selepas menerima pengesahan secara bertulis daripada penerima yang dinamakan di dalam arahan pembayaran tetap/ berkala bahawa pembayaran selanjutnya tidak perlu dibuat.

11.3. Arahan pembayaran tetap/berkala akan berkuatkuasa tertakluk kepada dana yang mencukupi di dalam Akaun dan Bank tidak akan menanggung rugi bagi apa-apa bayaran yang tertinggal oleh Pemegang Akaun akibat daripada dana yang tidak cukup di dalam Akaun.

11.4. Bank tidak akan menanggung rugi bagi apa-apa kegagalan, kelewatan, kesilapan, pengabaian dan gangguan akibat daripada Keadaan Force Majeure yang timbul dari arahan pembayaran yang diterima oleh Bank melalui apa-apa jenis saluran komunikasi daripada Pemegang Akaun.

11.5. Bank boleh pada budi bicara mutlaknya menentukan dengan muktamad turutan keutamaan pembayaran daripada Baki Yang Ada berdasarkan kepada mana-mana cek yang dikeluarkan ke atas Akaun/arahan tetap/sebarang arahan daripada Pemegang Akaun.

## 12. Pengeluaran

12.1. Sebarang pengeluaran yang akan dibuat daripada Akaun melalui kaunter Bank adalah tertakluk kepada bukti pengenalan diri yang diperlukan oleh Bank.

12.2. Bank boleh dengan mengatur terlebih dahulu dengan Pemegang Akaun dan tertakluk kepada penyempurnaan dokumen sekuriti, membenarkan pengeluaran dari Akaun yang mungkin menyebabkan overdraf/kemudahan tunai (yang berkaitan)/atau meningkatkan overdraf/kemudahan tunai yang melebihi apa-apa had overdraf/kemudahan tunai yang ditetapkan. Pemegang Akaun hendaklah bertanggungjawab ke atas segala amaun yang didahulukan/kemudahan yang menghasilkan faedah/ keuntunganpada kadar semasa yang ditetapkan oleh Bank.

12.3. Tanpa mengambil kira apa-apa yang bertentangan di sini, Pemegang Akaun hendaklah menanggung rugi Bank berkenaan dengan setiap amaun yang dikeluarkan dan hendaklah membayar mana-mana overdraf/kemudahan tunai apabila dituntut, bersama dengan faedah/ keuntungan (yang dikira pada kadar semasa) dan apa-apa caj/fi perkhidmatan yang dikenakan oleh Bank.

**13. Akaun Bersama**

13.1. Tanggungan dan kewajipan Pemegang Akaun Bersama adalah bersesama dan berasingan dan notis kepada seorang Pemegang Akaun Bersama dianggap sebagai notis kepada yang seorang lagi.
13.2. Bank adalah berhak untuk berurusan secara berasingan dengan setiap Pemegang Akaun Bersama ke atas apa-apa perkara berkenaan dengan Akaun Bersama, termasuk melepaskan apa-apa tanggungan sehingga apa-apa takat, tanpa menjejaskan tanggungan Pemegang Akaun Bersama yang lain.
13.3. Tanpa mengambil kira mana-mana terma Mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun Bersama kepada Bank, mana-mana Pemegang Akaun Bersama berhak menarik balik/membatalkan Mandatnya yang diberikan kepada Bank.
13.4. Jika mana-mana Pemegang Akaun Bersama membatalkan Mandatnya, Bank berhak membeku semua pengeluaran daripada Akaun Bersama sehingga menerima arahan bersama secara bertulis daripada semua Pemegang Akaun Bersama untuk mengaktifkan semula Akaun Bersama bersama dengan Mandat baru.
13.5. Arahan daripada Pemegang Akaun Bersama untuk membeku Akaun Bersama akan dianggap bermaksud Mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun Bersama telah dibatalkan dan Bank akan membekukan semua pengeluaran daripada Akaun Bersama sehingga menerima arahan bersama secara bertulis daripada semua Pemegang Akaun Bersama.
13.6. Pemegang Akaun Bersama memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip dan menerima bagi mengkreditkan ke dalam Akaun Bersama apa-apa cek kena bayar kepada salah seorang Pemegang Akaun Bersama secara peribadi/berdua/lebih dan mereka secara bersesama bersetuju bahawa Bank tidak perlu risau sama ada cek dikeluarkan tanpa pengetahuan semua Pemegang Akaun Bersama/bagaimana jumlah dikreditkan ke dalam Akaun Bersama dikeluarkan asalkan permohonan/pengeluaran adalah selaras dengan Mandat yang diberikan kepada Bank.

**14. Akaun Perkongsian**

14.1. Apabila membuka Akaun, Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah memberi Bank senarai nama dan tandatangan spesimen penandatangan yang dibenarkan melalui surat/dokumen yang dialamatkan kepada Bank dan ditandatangan oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian. Peruntukan yang sama adalah terpakai apabila terdapat sebarang perubahan penandatangan yang dibenarkan di dalam Akaun Perkongsian. Surat/dokumen sedemikian hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.
14.2. Mandat pertama yang diberikan ke atas Akaun Perkongsian hendaklah kekal berkuatkuasa sehingga dibatalkan secara bertulis oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian, walaupun terdapat perubahan nama di dalam perkongsian/apa-apa perubahan di kalangan rakan kongsi melalui kematian, muflis, pesaraan rakan kongsi/kemasukan rakan kongsi baru.
14.3. Jika tiada perubahan/pembatalan Mandat terdahulu yang diterima oleh Bank, Bank berhak menganggap rakan kongsi yang masih hidup/berterusan pada masa itu mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan rakan kongsi dan berurusan dengan Akaun Perkongsian seolah-olah tiada perubahan di dalam perkongsian.
14.4. Dalam hal, Pemegang Akaun Perkongsian memberi kuasa kepada penandatangan yang tidak dibenarkan secara bertulis untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan dengan Akaun Perkongsian, maka Bank telah diberi kuasa untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak terhadap arahan dan pengesahan tersebut. Bank tidak akan menanggung rugi ke atas apaapa kerugian yang mungkin Pemegang Akaun Perkongsian akan tanggung akibat daripada Bank menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.
14.5. Jika Pemegang Akaun Perkongsian mempunyai lebih daripada satu penandatangan yang dibenarkan, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana penandatangan yang dibenarkan ke atas apa-apa arahan/cek/instrumen kewangan yang lain yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun Perkongsian. Pengesahan seumpama itu adalah mengikat Pemegang Akaun Perkongsian.
14.6. Buku cek Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah disimpan dengan selamat oleh penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Perkongsian di dalam persekitaran yang selamat, hanya boleh diperolehi oleh penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Perkongsian.
14.7. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek Pemegang Akaun Perkongsian/salah guna Mandat jika Pemegang Akaun Perkongsian telah mengamanahkan buku cek kepada penandatangan yang tidak dibenarkan untuk disimpan secara selamat.
14.8. Apabila Bank pada pendapatnya menganggap penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Perkongsian menyalahgunakan terma-terma Mandat, Bank boleh menolak untuk melaksanakan Mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh penandatangan lain yang dibenarkan/rakan kongsi Pemegang Akaun Perkongsian. Bank berhak untuk membekukan Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.
14.9. Bank berhak untuk membekukan Akaun Pemegang Perkongsian jika:
  - 14.9.1. arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh berlainan penandatangan yang dibenarkan oleh Akaun Pemegang Perkongsian;
  - 14.9.2. apa-apa bukti pemalsuan tandatangan penandatangan yang dibenarkan/ rakan kongsi dimaklumkan kepada Banktertakluk selanjutnya kepada laporan polis diberikan kepada Bank sebelum membeku Akaun Perkongsian dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Perkongsian sebelum penerimaan laporan polis.

14.10. Bagi tujuan menentukan rakan kongsi di dalam perkongsian pada waktu yang material, Bank berhak untuk bergantung kepada rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun Perkongsian.
14.11. Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 14, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Pemegang Akaun di bawah Terma dan Syarat hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua rakan kongsi Pemegang Akaun Perkongsian.

**15. Akaun Korporat**

15.1. Apabila membuka Akaun Korporat, Pemegang Akaun Korporat hendaklah memberi kepada Bank senarai nama dan tandatangan spesimen penandatangan yang dibenarkan melalui salinan resolusi pengarah yang disahkan. Peruntukan yang sama terpakai apabila terdapat sebarang perubahan kepada penandatangan yang dibenarkan bagi Akaun Korporat. Salinan resolusi pengarah yang disahkan berasal daripada Pemegang Akaun Korporat atau setiausaha syarikat

hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.

15.2. Dalam hal Pemegang Akaun Korporat yang telah memberi kuasa secara bertulis kepada penandatangan yang tidak dibenarkan untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan Akaunnya, maka Bank diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Korporat untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin akan ditanggung akibat daripada Bank menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.

15.3. Jika Pemegang Akaun Korporat mempunyai lebih dari satu penandatangan yang dibenarkan, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana penandatangan yang diberi kuasa ke atas apa-apa arahan/cek/suratcara kewangan yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun Korporat. Pengesahan seumpama itu adalah mengikat Pemegang Akaun Korporat.

15.4. Buku cek Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah disimpan dengan selamat oleh penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Korporat di dalam persekitaran yang selamat, hanya boleh diperolehi oleh penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Korporat.

15.5. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek Pemegang Akaun Korporat/salah guna Mandat Pemegang Akaun Korporat jika Pemegang Akaun Korporat telah mengamanahkan buku cek untuk disimpan secara selamat kepada penandatangan yang tidak dibenarkan.

15.6. Apabila Bank pada pendapatnya menganggap penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Korporat menyalahgunakan terma-terma Mandat, Bank boleh untuk enggan melaksanakan Mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh penandatangan lain yang dibenarkan/semua pengarah pada masa material Pemegang Akaun Korporat. Bank berhak untuk membeku Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.

15.7. Bank berhak membeku Akaun Pemegang Korporat jika:

- 15.7.1. arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh berlainan penandatangan yang dibenarkan oleh Pemegang Akaun Pemegang Korporat;
- 15.7.2. apa-apa bukti pemalsuan tandatangan penandatangan yang diberikan kuasa/ pengarah dimaklumkan kepada Bank tertakluk selanjutnya kepada laporan polis diberikan kepada Bank sebelum membeku Akaun Korporat dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Korporat sebelum penerimaan laporan polis.

15.8. Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Klausa 15.0, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Pemegang Akaun di bawah Terma dan Syarat hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua pengarah Pemegang Akaun Korporat.

15.9. Bagi tujuan menentusahkan pengarah-pengarah Pemegang Akaun Korporat pada bila-bila masa material, Bank berhak untuk bergantung kepada rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod-rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun Korporat. Selanjutnya tertakluk, jika rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak dikemaskini, Bank berhak bergantung kepada mana-mana sijil yang diberikan kepadanya oleh setiausaha syarikat Pemegang Akaun Korporat.

15.10. Bagi Pemegang Akaun Korporat yang dikawal oleh undang-undang lain yang spesifik selain daripada Akta Syarikat 2016, Mandat yang diberikan kepada Bank hendaklah juga mematuhi undang-undang spesifik yang diguna pakai ke atas Pemegang Akaun Korporat.

15.11. Melainkan sudah dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Umum ini, peruntukan di bawah Klausa 15.0 hendaklah juga diguna pakai (dengan perubahan yang wajar) ke atas Pemegang Akaun yang merupakan Entiti yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang yang spesifik dan Mandat bagi Entiti sedemikian hendaklah mematuhi undang-undang spesifik yang diguna pakai ke atas Entiti sedemikian.

## 16. Akaun Dorman

16.1. Bank boleh mengklasifikasikan Akaun yang tiada urus niaga dilakukan untuk tempoh lebih setahun sebagai Akaun Dorman.

16.2. Untuk mengaktifkan Akaun Dorman, urus niaga hendaklah dilaksanakan sendiri oleh Pemegang Akaun di cawangan Bank.

16.3. Bank tidak akan menghantar Penyata Akaun bagi Akaun Dorman.

16.4. Bank berhak menutup Akaun Dorman yang tidak mempunyai apa-apa baki atau baki RM10 ke bawah.

16.5. Apa-apa Baki Yang Ada di dalam Akaun yang tidak aktif yang tidak dituntut selama 7 tahun akan diserahkan oleh Bank kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan selepas itu Pemegang Akaun akan berurusan terus dengan Pendaftar Wang Tak Dituntut berkenaan dengan Baki Yang Ada di dalam Akaunnya.

16.6. Semua fi dan caj akan dikenakan ke atas mana-mana Akaun dorman sehingga Baki Yang Ada diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut oleh Bank.

## 17. Fi dan Caj

17.1. Bank berhak mengenakan fi dan caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun/seperti yang dipersetujui/dipohon oleh Pemegang Akaun.

17.2. Butir-butir fi dan caj yang dikenakan oleh Bank boleh didapati di cawangan Bank atau Laman Sesawang Bank atau bagi Perkhidmatan yang dipohon secara khusus oleh Pemegang Akaun, ianya boleh dimaklumkan oleh pegawai Bank sebelum memberi Perkhidmatan.

17.3. Bank berhak meminda/mengubah/menambah fi dan caj yang disiarkan/diiklankan melalui:

- 17.3.1. paparan fi dan caj yang dipinda di cawangan-cawangan Bank; dan
- 17.3.2. paparan fi dan caj yang dipinda di Laman Sesawang Bank

17.4. Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank boleh memberi notis pemindaan/pengubahan/penambahan kepada fi dan caj melalui salah satu/lebih daripada cara berikut:

- 17.4.1. notis di papan notis/mana-mana bahagian di cawangan Bank yang mudah dilihat;
- 17.4.2. notis yang dipaparkan di skrin terminal elektronik Bank;
- 17.4.3. notis di Laman Sesawang Bank;
- 17.4.4. notis di dalam penyata Akaun berkala;
- 17.4.5. notis secara bertulis di dalam format Bank kepada alamat Pemegang Akaun berdasarkan di dalam rekod Bank;

17.4.6. notis melalui apa-apa cara lain yang Bank fikirkan sesuai pada budi bicara mutlaknya

17.5. Fi dan caj yang dipinda/diubah/ditambah sedemikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh Bank memaklumkan kepada Pemegang Akaun (selaras dengan Klausa 17.4) sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasanya pelaksanaan fi dan caj yang dipinda itu.

**18. Kematian Pemegang Akaun**

18.1. Apabila pemegang Akaun meninggal dunia, Baki yang Ada akan dibekukan oleh Bank. Bank akan membuat bayaran Baki yang Ada kepada wasi/pentadbir akaun si mati dan bayaran tersebut merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun tersebut.

18.2. Semua arahan, cek dan lain-lain suratcara kewangan akan dilunaskan oleh Bank sehingga Bank menerima notis secara bertulis mengenai kematian pemegang Akaun/sehingga Bank mengetahui mengenai kematiannya.

18.3. Tanpa mengambil kira peruntukan di dalam Terma dan Syarat Am ini, berkenaan dengan Akaun si mati (melainkan Akaun Bersama) dan menurut prosedur dalaman, Bank pada budi bicara mutlaknya boleh membuat bayaran Baki yang Ada kepada waris kadim akaun si mati tertakluk kepada waris kadim:

18.3.1. memberi sijil asal kematian dan dokumen yang membuktikan hubungan kekeluargaan untuk dilihat oleh Bank;

18.3.2. memberi salinan sijil kematian yang diakui sah dan dokumen yang membuktikan hubungan kekeluargaan untuk dilihat (disimpan oleh Bank);

18.3.3. memberi keterangan dokumentar lain sebagaimana yang diperlukan oleh Bank; dan

18.3.4. menyempurnakan surat tanggung rugi di dalam format yang boleh diterima oleh Bank.

18.4. Pemegang Akaun bersetuju bahawa bayaran seperti itu kepada waris kadim merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaunnya dan ianya adalah mengikat waris, wakil peribadi/perundangan, pemegang serah hak, pengganti kepada hak milik dan harta pusaka si mati Pemegang Akaun.

**19. Kematian Pemegang Akaun Bersama**

19.1. Terma dan syarat berikut hendaklah diguna pakai apabila Akaun Bersama dikendalikan oleh semua Pemegang Akaun bersama (**SEMUA** perlu menandatangan):

19.1.1. apabila berlaku kematian ke atas mana-mana Pemegang Akaun Bersama:-

a. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibekukan oleh Bank sehingga penerimaan surat kuasa pentadbir/probet/perintah mahkamah/perintah pentadbir tanah/surat arahan dari Amanah Raya Berhad berkenaan si mati Pemegang Akaun Bersama

b. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibayar oleh Bank di atas nama pemegang Akaun Bersama yang masih hidup dan harta pusaka/wasi/pentadbir si mati Pemegang Akaun Bersama;

c. Bayaran seperti itu adalah merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun Bersama

19.1.2. jika kesemua Pemegang Akaun Bersama mati:-

a. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibekukan oleh Bank sehingga penerimaan surat kuasa pentadbir/probet/perintah mahkamah/perintah pentadbir tanah/surat arahan dari Amanah Raya Berhad mengenai kesemua baki Pemegang Akaun Bersama si mati;

b. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama hendaklah dibayar oleh Bank di atas nama harta pusaka/wasi/pentadbir semua si mati Pemegang Akaun Bersama;

c. Bayaran seperti itu adalah merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun Bersama.

19.2. Terma dan syarat berikut akan diguna pakai apabila Akaun Bersama tidak dikendalikan oleh semua Pemegang Akaun Bersama (**BUKAN SEMUA** perlu menandatangan)

19.2.1. apabila berlaku kematian ke atas mana-mana Pemegang Akaun Bersama tanpa menjejaskan mandat operasi untuk Akaun Bersama:-

a. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama hendaklah dibayar oleh Bank di atas nama pemegang Akaun Bersama yang masih hidup;

b. bayaran seperti itu adalah merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun Bersama

19.2.2. apabila berlaku kematian ke atas ke mana-mana Pemegang Akaun Bersama menjejaskan mandat operasi untuk Akaun Bersama:-

a. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibekukan oleh Bank sehingga penerimaan surat kuasa pentadbir/probet/perintah mahkamah/perintah pentadbir tanah/surat arahan dari Amanah Raya Berhad berkenaan si mati Pemegang Akaun Bersama;

b. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibayar oleh Bank di atas nama pemegang Akaun Bersama yang masih hidup dan harta pusaka/wasi/pentadbir si mati Pemegang Akaun Bersama;

c. Bayaran seperti itu adalah merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun Bersama.

19.2.3. jika kesemua Pemegang Akaun Bersama mati:-

a. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama akan dibekukan oleh Bank sehingga penerimaan surat kuasa pentadbir/probet/perintah mahkamah/perintah pentadbir tanah/surat arahan dari Amanah Raya Berhad mengenai kesemua baki Pemegang Akaun Bersama si mati;

b. Baki yang Ada di dalam Akaun Bersama hendaklah dibayar oleh Bank di atas nama harta pusaka/wasi/pentadbir semua si mati Pemegang Akaun Bersama;

c. Bayaran seperti itu adalah merupakan pelepasan penuh terhadap tanggungan Bank di bawah Akaun Bersama.

**20. Hak Bank untuk Mendebit**

20.1. Pemegang Akaun membenarkan Bank mendebitkan Akaunnya dengan jumlah relevan tanpa memberi notis terdahulu

kepada Pemegang Akaun jika berlaku keadaan-keadaan seperti berikut:

20.1.1. apabila bayaran, kos, tarif dan caj penalti (untuk kemungkiran mana-mana terma) bagi Akaun;

20.1.2. apabila bayaran dan kos dikenakan oleh Bank untuk apa-apa Perkhidmatan yang dipohon daripada Bank/dipersetujui oleh Pemegang Akaun;

20.1.3. apabila cukai (termasuk penahanan cukai, jika berkenaan) duti setem, levi dan caj kerajaan dikenakan untuk apa-apa produk/perkhidmatan yang dipohon oleh pemegang Akaun daripada Bank;

20.1.4. apabila bayaran kemudahan, tarif, kepentingan/keuntungan (jika berkenaan) dan pampasan/ caj lewat bayar/caj penalty (jika berkenaan) dikenakan bagi kemungkiran mana-mana terma dan syarat ini terhadap apa-apa kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun;

20.1.5. apabila cek dan suratcara kewangan lain telah dikreditkan ke dalam Akaun tetapi kemudiannya dikembalikan tanpa dibayar/tidak boleh diterima/tidak boleh dijelaskan kerana kehilangan, kerosakan/menyalahletakkan cek atau suratcara kewangan semasa dalam proses pembayaran;

20.1.6. bila wang dikreditkan dengan silap ke dalam Akaun oleh Bank/mana-mana pihak ketiga/atau keaadaan Force Majeure berlaku;

20.1.7. apabila apa-apa jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun adalah hasil daripada pemalsuan/pengubahan suratcara secara tidak sah/arahan/transaksi fraud, dengan/tanpa penglibatan pemegang Akaun;

20.1.8. apabila Bank dikehendaki merampas wang di dalam Akaun di bawah mana-mana undang-undang/mana-mana perintah mahkamah yang terpakai/seperti dikehendaki oleh BNM/mana-mana pihak berkuasa;

20.1.9. bayaran guaman, pembayaran dan perbelanjaan (atas dasar peguam- klien dan tanggungan penuh) ditanggung oleh Bank untuk:

a. mendapat kembali keberhutangan di bawah mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun,
b. prosiding yang digarnis yang dimulakan oleh Bank berkenaan dengan Pemegang Akaun sebagai penghutang penghakiman,
c. prosiding interplider yang difailkan oleh Bank untuk apa-apa pertikaian berkenaan dengan Akaun;
d. prosiding injunksi berkenaan dengan Akaun, sama ada/sebaliknya atas nama Bank sebagai satu pihak;
e. apa-apa prosiding terhadap Bank yang difailkan oleh Pemegang Akaun/mana-mana pihak ketiga berkenaan Akaun, tertakluk kepada kejayaan Bank dalam pembelaannya terhadap prosiding guaman tersebut.

**21. Hak Bank untuk Membeku Akaun**

21.1. Pemegang Akaun bersetuju dengan Bank bahawa Bank berhak untuk membeku apa-apa pengeluaran dan/atau deposit atau pelaburan ke dalam/daripada Akaunnya tanpa memberi notis terdahulu kepada Pemegang Akaun jika berlaku keadaan-keadaan seperti berikut:

21.1.1. apabila terdapat percanggahan arahan yang diberikan secara serentak kepada Bank oleh berlainan Pemegang Akaun Bersama;

21.1.2. apabila mana-mana Pemegang Akaun Bersama memberi arahan kepada Bank untuk membeku/mengeluarkan/membatalkan Mandatnya di dalam Akaun Bersama, arahan itu mesti diberikan secara bertulis kepada cawangan Bank di mana Akaun Bersama disenggarakan;

21.1.3. apabila pada pendapat mutlak Bank, terma Mandat disalahgunakan;

21.1.4. apabila penandatangan yang dibenarkan di dalam Akaun Perkongsian/Korporat memberi arahan kepada Bank untuk membeku Akaun, selanjutnya Akaun Perkongsian/Korporat boleh diaktifkan semula oleh Bank apabila menerima arahan daripada kesemua rakan kongsi perkongsian/pengarah syarikat pada masa material.

21.1.5. apabila Bank pada pendapat mutlak dan munasabahnya berpendapat bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan Akaun, kemudiannya didapati adalah pengenalan diri yang palsu/tidak betul/diubah/salah nyata;

21.1.6. apabila cek/suratcara kewangan/jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun adalah hasil daripada pemalsuan/suratcara dan arahan yang diubah/transaksi fraud, dengan/tanpa penglibatan pemegang Akaun;

21.1.7. apabila aduan dibuat oleh pihak ketiga dengan polis/ Bank bahawa Akaun telah digunakan untuk membuat transaksi fraud/simpanan/komplot/mencari pelanggan untuk pengambilan simpanan haram, tertakluk selanjutnya kepada budi bicara Bank untuk membeku Akaun adalah pada pendapat dan budi bicara mutlaknya berdasarkan kepada penyiasatan dalaman atau maklumat yang diberikan oleh polis/badan berkuasa.

21.1.8. apabila berlaku kematian, kebankrapan/perintah pengulungan terhadap Pemegang Akaun, tertakluk kepada Bank telah dimaklumkan mengenainya oleh mana-mana pihak/atau mendapat maklumat mengenainya melalui cara lain;

21.1.9. apabila prosiding garnisi disampaikan kepada Bank berkenaan Pemegang Akaun sebagai penghutang penghakiman.

21.1.10. apabila Bank melaksanakan hak tolakan dibawah Terma dan Syarat Umum;

21.1.11. apabila Bank dikehendaki membeku Akaun oleh BNM/badan berkuasa di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.

Tertakluk kepada selanjutnya, selepas pembekuan Akaun, Bank boleh pada budi bicara mutlaknya dan sebagaimana ia fikir sesuai memindah amaun yang dibekukan/Baki Yang Ada kepada akaun yang tiada faedah/ tiada pendapatan sehingga isu relevan berkenaan dengan Akaun ini boleh diselesaikan/ seperti yang diarahkan oleh Mahkamah/badan berkuasa.

**22. Hak Bank untuk Tolakan**

22.1. Pemegang Akaun bersetuju sekiranya terdapat keadaan di mana pemegang Akaun ingkar dalam pembayaran mana-

mana keberhutangan (samaada yeng benar, luar jangka, semasa atau masa hadapan) yang kena dibayar kepada Bank dan/atau Kumpulan Ambank samada secara perseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain termasuk faedah/ keuntungan atau caj ("Keberhutangan"), Bank berhak untuk membekukan sebahagian Baki Yang Ada bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran ingkar Keberhutangan dan memberi 7 hari notis kepada pemegang Akaun untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.

22.2. Jika Pemegang Akaun gagal untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan dalam tempoh 7 hari tersebut, Bank berhak untuk menolak sepenuhnya mana-mana bahagian Baki Yang Ada dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan (walaupun ianya melibatkan pengeluaran awal sebarang Akaun Deposit Tetap / Deposit Bertempoh Islam atau pelaburan sebelum tarikh matang.

22.3. Bagi mengelak sebarang kekeliruan, hak Bank untuk tolakan di sini boleh dilaksanakan oleh Bank:
- 22.3.1. walaupun ke atas Akaun Bersama, walaupun keberhutangan kena dibayar oleh mana-mana Pemegang Akaun Bersama kepada Bank dan/atau kumpulan AmBank;
- 22.3.2. di mana Baki Yang Ada di dalam Akaun adalah kredit bersama Akaun lain kepunyaan Pemegang Akaun yang mempunyai baki debit dengan jumlah yang kena dibayar kepada Bank; dan
- 22.3.3. walaupun berlakunya kematian ke atas Pemegang Akaun, kebankrapan/ketidakmampuan bayar(insolvency), kedudukannya dengan pemiutang atau apa-apa prosiding perundangan terhadap Pemegang Akaun.

## 23. Penutupan Akaun

23.1. Akaun hanya boleh ditutup oleh Pemegang Akaun yang hadir sendiri ke cawangan Bank dan mengesahkan secara bertulis arahannya untuk menutup Akaun. Arahan seperti itu adalah sah apabila diakui terima oleh Bank.

23.2. Akaun Bersama boleh ditutup selaras dengan terma Mandat yang diberikan kepada Bank oleh Pemegang Akaun Bersama.

23.3. Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank berhak untuk menutup Akaun yang:
- 23.3.1. mempunyai mana-mana cek yang tidak dilunaskan dikeluarkan dari Akaun;
- 23.3.2. pada pendapat Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan;
- 23.3.3. Baki Yang Ada adalah kosong/RM10 dan ke bawah, untuk suatu tempoh yang ditentukan oleh Bank;
- 23.3.4. Baki Yang Ada dalam debit disebabkan bayaran dan caj yang dikenakan oleh Bank;
- 23.3.5. telah dorman selama tempoh satu tahun/lebih;
- 23.3.6. telah digunakan untuk membuat transaksi fraud/untuk menyimpan atau melabur sebarang hasil jenayah, pada pendapat mutlak Bank/berdasarkan maklumat yang boleh dipercayai yang diberikan kepada Bank oleh mana-mana pihak;
- 23.3.7. Pemegang Akaun telah memaklumkan secara bertulis kepada Bank bahawa beliau tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat Am.
- 23.3.8. telah diarahkan tutup oleh BNM/ pihak berkuasa tertentu melalui perundangan yang ada

23.4. Akaun bagi Entiti berikut akan ditutup dan Akaun baru akan dibuka sekiranya berlaku perkara berikut:
- 23.4.1. berkenaan Akaun Milikan Tunggal – apabila Milikan Tunggal dijual kepada individu lain atau apabila milikan tunggal menjadi perkongsian dengan kemasukan/penambahan rakan kongsi;
- 23.4.2. berkenaan Akaun Perkongsian – apabila perkongsian menjadi milikan tunggal disebabkan pesaraan/peletakan jawatan/kematian/kebankrapan seorang rakan kongsi;

23.5. Tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung di sini, Bank mempunyai hak untuk menutup Akaun mengikut budi bicara mutlaknya, dengan memberi 5 hari notis bertulis kepada Pemegang Akaun.

23.6. Pemegang Akaun hendaklah mematuhi kesemua kehendak Bank dan juga prosedur untuk penutupan Akaun, termasuk apa-apa caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Bank bagi penutupan Akaun.

## 24. Pendedahan Maklumat

24.1. Pemegang Akaun memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan, pada budi bicara Bank, kesemua atau apa-apa maklumat dan dokumen berkenaan dengan Akaun, Pemegang Akaun dan tingkah laku dan urusan Pemegang Akaun kepada/bagi:
- 24.1.1. bank pengeluar dan bank pemungut (bagi tujuan mana-mana cek yang dikeluarkan daripada/didepositkan atau dilaburkan ke dalam Akaun):
- 24.1.2. semua Pemegang Akaun (berkaitan dengan Akaun Bersama);
- 24.1.3. semua penandatangan yang dibenarkan dan pekerja yang diberi kuasa (berkaitan dengan Akaun Korporat);
- 24.1.4. waris si mati Pemegang Akaun/peguam yang mewakili waris yang ingin memohon perintah mahkamah berkenaan dengan Akaun si mati;
- 24.1.5. pentadbir/wasi/benifisiari Akaun si mati yang telah memohon perintah mahkamah berkenaan dengan Akaun si mati dan Peguam yang mewakili mereka;
- 24.1.6. peguam yang mewakili mana-mana pihak untuk mendapatkan perintah mahkamah berkenaan dengan Akaun, sama ada perintah mahkamah yang secara khusus membenarkan pendedahan maklumat dan dokumen Akaun;
- 24.1.7. penerima dan pengurus yang dilantik melalui mana-mana pemegang debentur Pemegang Akaun Korporat, penyelesai, pegawai penerima harta/penerima rasmi orang yang muflis/Pemegang Akaun yang tidak mampu bayar;
- 24.1.8. BNM/atau pihak berkuasa lain yang bertindak di bawah kuasa yang diberikan di bawah undang-undang yang terpakai;
- 24.1.9. Persatuan/orginisasi yang mana Bank adalah ahli/ahli bersekutu/ahli gabungan;
- 24.1.10. penanggung insurans Bank/syarikat takaful, insuran/perunding takaful, broker, ajuster kerugian mengikut polisi insuran/takaful yang diambil oleh Bank atau mengikut sebarang tuntutan yang dibuat oleh Bank di bawah polisi insuran/takaful sedemikian berkenaan dengan Akaun/perniagaan Bank;
- 24.1.11. tujuan sebarang tindakan undang-undang/prosiding yang difailkan terhadap Bank oleh pihak ketiga berkenaan dengan Akaun;
- 24.1.12. tujuan sebarang tindakan undang-undang/prosiding yang difailkan terhadap Bank oleh pihak ketiga bagi tujuan mendapatkan balik kerugian di dalam Akaun;
- 24.1.13. Polis/badan penyiasat lain, bagi tujuan siasatan sebarang jenayah (termasuk pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan) sama ada oleh Pemegang Akaun/sebaliknya;

24.1.14. Polis/badan penyiasat lain, bagi tujuan mengemukakan laporan yang relevan kepada Bank dan siasatan mengenainya, jika Bank berpendapat bahawa suatu jenayah telah dilakukan, polis/badan penyiasat lain boleh membantu Bank menghalang/mendapatkan balik sebarang kerugian yang ditanggung oleh Bank/bagi menangani jenayah.
24.1.15. Badan berkanun, agensi kerajaan dan jabatan bagi menjalankan fungsi dan tanggugjawab mereka;
24.1.16. Vendor Bank bagi tujuan pemerolehan sebarang produk dan perkhidmatan oleh Bank (jika diperlukan);
24.1.17. Mana-mana pemberi perkhidmatan dari luar/pemberi perkhidmatan yang dilantik oleh Bank;
24.1.18. Mana-mana pihak yang mungkin pada masa hadapan menyatakan keiginan untuk mendapatkan sebarang kepentingan/pegangan saham di dalam Bank/selepas apa-apa cadangan penyusunan, komposisi, gabungan, pemerolehan/ penstukturan semula di antara Bank dan pihak sedemikian;
24.1.19. Juru audit luar, peguam luar, pakar perunding luar dan penasihat profesional luar dari Bank dan Kumpulan AmBank, seperti yang dikehendaki untuk pelaksanaan wajar fungsi, tanggungjawab dan kewajipan mereka kepada Bank dan Kumpulan AmBank;
24.1.20. Mana mana pihak luar yang diperlukan bagi usaha korporat/aktiviti usaha wajar (due dilligence) yang dilaksanakan oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank;
24.1.21. Syarikat yang pada masa hadapan boleh menjadi subsidiari, syarikat hubungan dan syarikat bersekutu Bank;
24.1.22. Mana mana pihak ketiga, secara tersirat, atau seperti yang dikehendaki di bawah mana mana undang undang yang terpakai;
24.1.23. Mana mana Entiti yang Bank fikir sesuai dengan mengambil kira kepentingan umum, dakwaan fraud/pemalsuan/atau apa apa jenayah yang dikatakan dilakukan melalui Akaun/oleh Pemegang Akaun.

24.2. Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju jika apa apa prosiding undang undang dimulakan oleh Bank terhadap Pemegang Akaun berdasarkan kepada Terma dan Syarat ini, sama ada untuk mendapatkan apa apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank atau sebaliknya, Pemegang Akaun bersetuju dan membenarkan Bank mendedahkan butir butir, maklumat berkaitan dengan Pemegang Akaun dan kertas kausa yang berkaitan dengan prosiding undang undang tersebut kepada mana mana agensi pelaporan kredit yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2009.

**25. Klausa Privasi**

25.1. Pemegang Akaun mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Notis Privasi di dalam Terma dan Syarat Umum ini.

25.2. Sekiranya Pemegang Akaun memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat, tanggungan mereka, penandatangan yang dibenarkan, pengarah, pemegang syer dan pegawai, untuk tujuan pembukaan dan pengendalian Akaun atau Perkhidmatan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Akaun:
25.2.1. mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan untuk kegunaan Bank selaras dengan Terma dan Syarat, dan untuk memberikan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran dari Kumpulan AmBank) yang Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin member kepentingan atau faedah kepada mereka;
25.2.2. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
25.2.3. bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
25.2.4. bersetuju terhadap hak Bank untuk menamatkan Akaun dan/atau Perkhidmatan sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana mana pihak ketiga tersebut.

25.3. Bila mana Pemegang Akaun mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran) butiran mengenai transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) mungkin akan diterima atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negara Bank, pengawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan tugasan sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam memberikan arahan kepada Bank dan/atau ejen kami untuk memasuki transaksi merentas sempadan bagi pihak Pemegang Akaun, Pemegang Akaun dengan ini bersetuju bahawa pendedahan tersebut di atas adalah oleh pihak Pemegang Akaun dan pihak – pihak lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan tersebut.

25.4. Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi Bank (sama ada di dalam atau luar Malaysia), Pemegang Akaun bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi Pemegang Akaun mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada Pemegang Akaun.

25.5. Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pemegang Akaun melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, emel, pesanan elektronik/ bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh Pemegang Akaun.

25.6. Pemegang Akaun boleh memberitahu Bank pada bila bila masa sekiranya Pemegang Akaun memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran berikut:
Pegawai Khidmat Pelanggan
Telefon: 1300 80 8888 (Domestik) atau (603) 2178 8888 (Luarnegara) [24 jam]
Emel: customercare@ambankgroup.com
Pos: Privacy, AmBank Contact Centre,
P.O. Box No. 12617,
50784 Kuala Lumpur

25.7. Arahan bertulis yang terkini daripada Pemegang Akaun akan terpakai. Pemegang Akaun mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Akaun kepada Pemegang Akaun dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh

dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Akaun dan/atau Perkhidmatan dan / atau sebarang kemudahan berkaitan dengan Akaun dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pemegang Akaun.

25.8. Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila AmBank memerlukan dalam:

25.8.1. menyemak butiran bagi permohonan Akaun, Perkhidmatan, pembiayaan dan berkaitan pembiayaan atau kemudahan lain yang berkaitan dengan Akaun;

25.8.2. menguruskan dan menyemak Akaun; dan/atau

25.8.3. mendapatkan semula hutang daripada Pemegang Akaun.

25.9. Pemegang Akaun akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Pemegang Akaun atau mungkin telah digunakan, dan mana mana pemohon secara bersesama dan berasingan. Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pemegang Akaun dan bagaimana Pemegang Akaun menguruskan kemudahan pembiayaan berkaitan dengan Akaun dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.

25.10. Walaupun Pemegang Akaun telah memberikan maklumat kepada Bank, Pemegang Akaun mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan Akaun, Perkhidmatan, produk dan/atau kemudahan berkaitan dengan Akaun yang dipautkan dengan maklumat tersebut

25.11. AmBank berhak untuk meminda Seksyen ini dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak AmBank dengan memberikan notis kepada Pemegang Akaun melalui pelbagai saluran yang tersebut di Seksyen 28 di dalam Terma dan Syarat Umum ini.

25.12. Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada Seksyen 24 di dalam Terma dan Syarat Umum ini bagi Pendedahan Maklumat.

## 26. Terma dan Syarat Khusus

26.1. Bank boleh memperkenalkan Akaun atau Perkhidmatan dengan terma selanjutnya dan ciri yang lain dari semasa ke semasa. Ciri, faedah, peruntukan, terma dan syarat yang khusus ("Terma dan Syarat Khusus") untuk Akaun dan Perkhidmatan boleh didapati di dalam terma dan syarat, borang, risalah produk, bahan promosi, iklan media atau Laman Sesawang Bank yang berkaitan.

26.2. Bank juga berhak menawarkan faedah bagi mana mana jenis Akaun dan Perkhidmatan yang spesifik dari semasa ke semasa dan Bank boleh menghadkan faedah promosi sedemikian bagi tempoh masa yang ditetapkan. Tawaran Bank untuk memberikan faedah promosi tidak mewajibkan Bank untuk membuat promosi selanjutnya ke atas tujuan yang sama pada bila bila masa.

26.3. Terma dan Syarat Khusus adalah tambahan dan saling melengkapi kepada Terma dan Syarat Umum ini. Jika terdapat sebarang percanggahan/ketidaksekataan di antara Terma dan Syarat Umum dan Terma dan Syarat Khusus, Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah diguna pakai.

## 27. Perkhidmatan e-Channel

27.1. Pemegang Akaun boleh menggunakan Perkhidmatan e Channel bagi menjalankan transaksi/memberi arahan kepada Bank ke atas Akaun dan atau lain lain perkhidmatan yang disediakan oleh Bank di bawah Perkhidmatan e Channel. Perkhidmatan e Channel adalah tertakluk kepada terma dan syarat selanjutnya, yang mana boleh didapati di Laman Sesawang Bank atau memohon kepada Bank.

27.2. Terma dan syarat yang diguna pakai ke atas Perkhidmatan e Channel adalah dikenakan ke atas Pemegang Akaun jika Pemegang Akaun menggunakan mana mana Saluran Elektronik.

27.3. Terma dan Syarat yang diguna pakai ke atas Perkhidmatan e Channel adalah tambahan kepada Terma dan Syarat Umum. Jika terdapat percanggahan/ketaksekataan di antara Terma dan Syarat Umum dan terma dan syarat khusus yang diguna pakai ke atas Perkhidmatan e Channel, terma dan syarat ke atas Perkhidmatan e Channel hendaklah diguna pakai.

## 28. Pindaan kepada Terma dan Syarat

28.1. Bank berhak untuk meminda mana mana/kesemua peruntukan di dalam Terma dan Syarat dengan cara;

28.1.1. mempamerkan Terma dan Syarat yang dipinda di cawangan cawangan Bank;

28.1.2. memuatkan Terma dan Syarat yang dipinda di Laman Sesawang Bank.

28.2. Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank boleh memberi notis pindaan Terma dan Syarat melalui salah satu/lebih daripada cara berikut:

28.2.1. notis di papan tanda/mana mana bahagian yang mudah dilihat di cawangan bank;

28.2.2. notis yang disiarkan di skrin terminal elektronik Bank.

28.2.3. notis di dalam Laman Sesawang Bank;

28.2.4. notis di dalam penyata berkala Akaun;

28.2.5. notis secara bertulis dalam format Bank kepada alamat Pemegang Akaun seperti yang terdapat di dalam rekod Bank; dan

28.2.6. notis melalui cara yang lain sebagaimana yang Bank fikir sesuai atas budi bicara mutlaknya.

28.3. Jika Pemegang Akaun tidak bersetuju dengan sebarang pindaan Terma dan Syarat, Pemegang Akaun hendaklah menutup Akaun, memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memulangkan kesemua hak milik Bank yang berkenaan yang berada di dalam milikan Pemegang Akaun dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis Pemegang Akaun.

28.4. Jika Pemegang Akaun terus menyenggarakan dan mengendalikan Akaun 21 hari selepas notis pindaan Terma dan Syarat, Pemegang Akaun dianggap telah menerima pindaan kepada Terma dan Syarat.

28.5. Bank berhak untuk meminda/tambah/ubah mana mana ciri di dalam Akaun/Perkhidmatan/Akaun yang berjenis khusus dengan memberi notis kepada pelanggan. Ciri pindaan/tambahan/perubahan sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan seperti yang Bank memaklumkan kepada Pemegang Akaun sekurang kurangnya 21 hari sebelum tarikh berkuat kuasanya pindaan/tambahan/perubahan seperti yang tertera di dalam risalah untuk Akaun akaun. Bagi mengelak sebarang kekeliruan, terbitan iklan untuk Akaun yang mempunyai ciri khusus adalah dianggap sebagai notis

yang telah diberikan kepada Pemegang Akaun berkenaan dengan pindaan/tambahan/perubahan kepada Akaun.

**29. Penggantian Terma dan Syarat Terdahulu**

29.1. Semua terma dan syarat Akaun yang diperuntukkan semasa pembukaan dan pengendalian Akaun dengan menggunakan nama terdahulu Bank berkenaan, termasuk tanpa had, Arab Malaysian Bank Berhad (295576 U), AmBank Berhad (295576 U), Arab Malaysian Finance Berhad (5493 X), MBF Finance Berhad (8515 D) dan AmFinance Berhad (8515 D) adalah dengan ini terbatal secara keseluruhan dan sama sekali digantikan oleh Terma dan Syarat Umum ini. Selepas tamat tempoh 21 hari dari Tarikh Berkuatkuasa, semua Akaun yang dibuka dan dikendalikan di bawah gelaran/nama terdahulu Bank berkenaan, hendaklah dikawal dan dikendalikan di bawah Terma dan Syarat Umum ini.

29.2. Semua terma dan syarat yang diperuntukkan oleh Bank sebelum Tarikh Berkuatkuasa adalah dengan ini juga terbatal secara keseluruhan dan sama sekali digantikan oleh Terma dan Syarat Umum ini. Selepas tamat tempoh 21 hari dariTarikh Berkuatkuasa, semua Akaun yang dibuka dan dikendalikan di bawah gelaran/nama terdahulu Bank berkenaan, hendaklah dikawal dan dikendalikan di bawah Terma dan Syarat Umum ini.

29.3. Jika Pemegang Akaun tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat Umum ini, Pemegang Akaun dengan ini diingatkan untuk menutup Akaun dan memaklumkan Bank secara bertulis dan memulangkan kesemua hak milik Bank yang berkenaan yang berada di dalam milikan Pemegang Akaun dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis Pemegang Akaun.

29.4. Jika Pemegang Akaun terus menyenggarakan dan mengendalikan Akaun 21 hari selepas Tarikh Berkuatkuasa, Pemegang Akaun adalah dianggap telah menerima Terma dan Syarat Umum ini dan ianya adalah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun.

**30. Notis**

30.1. Pemegang Akaun hendaklah memberi notis dengan segera kepada Bank secara bertulis, dialamatkan kepada mana mana cawangan Bank mengenai pertukaran alamat, nombor telefon, telefon bimbit dan faks. Jika gagal berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada semua tanggungan apabila ia menghantar sebarang notis kepada alamat dan/atau nombor terakhir yang terdapat di dalam rekod Bank.

30.2. Pertukaran alamat Pemegang Akaun dengan apa apa cara sekali pun tidak akan berkuatkuasa/mengikat ke atas Bank kecuali notis sebenar mengenai pertukaran alamat telah diterima dan diakui sah terima oleh Bank.

30.3. Melainkan diperuntukkan di dalam Terma dan Syarat ini, semua notis lain oleh Pemegang Akaun kepada Bank hendaklah diserahkan di cawangan di mana Akaun disenggarakan.

30.4. Melainkan diperuntukkan di dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh memberi apa apa notis lain yang mungkin perlu diberikan kepada Pemegang Akaun dengan menghantar notis melalui pos biasa atau penghantaran secara peribadi kepada alamat Pemegang Akaun seperti yang terdapat di dalam rekod Bank. Notis tersebut hendaklah dianggap diserahkan kepada Pemegang Akaun 5 hari selepas surat diposkan atau jika diserah melalui serahan tangan, pada hari ianya diserahkan.

**31. Had Tanggungan**

31.1. Pemegang Akaun bersetuju untuk melepaskan Bank daripada semua liabiliti, dan Bank tidak akan bertanggungan kepada Pemegang Akaun, walau apa pun dan dengan apa cara pun yang timbul, sama ada secara langsung/tidak langsung, di dalam keadaan keadaan berikut:

- 31.1.1. apa apa keingkaran/ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat/mana mana undang undang yang diguna pakai oleh Pemegang Akaun;
- 31.1.2. kelakuan cuai/pengabaian Pemegang Akaun;
- 31.1.3. Bank menerima arahan daripada Pemegang Akaun yang mana Bank secara suci hati percaya ianya datang dari Pemegang Akaun (sama ada dibenarkan/tidak) dan bertindak/gagal bertindak ke atasnya;
- 31.1.4. sebarang pemalsuan atau tingkah laku penipuan oleh pekerja, ejen, pegawai, penandatangan yang dibenarkan , rakan kongsi dan pengarah;
- 31.1.5. apabila Bank mematuhi arahan daripada Bank Negara/lain lain badan berkanun, badan berkuasa, kerajaan dan mahkamah/tribunal/badan kehakiman;
- 31.1.6. sebarang kelewatan di dalam melunaskan cek/suratcara kewangan/debit/kredit ke dalam Akaun akibat daripada mana mana Kejadian Force Majeure;
- 31.1.7. Sebarang kehilangan, kerugian, fi, kos, tuntutan, caj, prosiding, cukai, duti, pembayaran dan perbelanjaan (termasuk kos undang undang) akibat daripada mana mana Kejadian Force Majeure.

31.2. Sentiasa tertakluk kepada semua Terma dan Syarat ini dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang undang, Pemegang Akaun bersetuju bahawa tanggungan Bank di bawah Terma dan Syarat ini, walau apa pun dan dengan apa cara pun yang timbul, termasuk dan tanpa had, bagi kecuaian Bank dan atau pelanggaran kewajipan, hendaklah dihadkan kepada kerugian sebenar wang daripada Akaun tertakluk kepada kecuaian selanjutnya dan/atau pelanggaran kewajipan yang dibuktikan terhadap Bank.

31.3. Melainkan dibenarkan di dalam Terma dan Syarat dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang undang, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungan bagi sebarang kerugian tidak langsung/akibat langsung walau apa pun dan dengan apa cara pun yang disebabkan oleh kecuaian Bank dan/atau melanggar kewajipan, tanpa had bagi, kerugian keuntungan, hasil perniagaan, kehilangan nama baik, kehilangan reputasi, kehilangan ekonomi/kegagalan untuk merealisasikan simpanan yang dijangka oleh Pemegang Akaun.

31.4. Tanpa mengambil kira apa apa di sini, Bank pada budi bicara mutlaknya boleh memutuskan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan/pertikaian/prosiding/tindakan undang undang di antara Bank dan Pemegang Akaun pada terma sedemikian yang mana Bank anggap sesuai tanpa menjejaskan haknya terhadap mana mana pihak ketiga di bawah tuntutan/pertikaian tersebut. Jika ianya berlaku, Pemegang Akaun hendaklah bekerjasama dan membantu Bank mengemukakan maklumat dan dokumen yang relevan, melaksanakan sebarang dokumen yang diperlukan dan pengakuan affidavit dan menyebabkan pekerjanya/orang lain ang berada di bawah kuasanya untuk hadir sebagai saksi di dalam mana mana tindakan undang undang yang dimulakan oleh Bank terhadap pihak ketiga tersebut. Jika Pemegang Akaun gagal berbuat demikian, Bank berhak terhadap bayaran balik wang yang dibayar kepada Pemegang Akaun mengikut sebarang penyelesaian tuntutan/pertikaian tersebut.

**32. Tanggung Rugi**

32.1. Pemegang Akaun hendaklah tetap menanggung rugi Bank sepenuhnya pada kadar tanggung rugi penuh terhadap sebarang kehilangan, kerugian, fi, kos, tuntutan, caj, prosiding, cukai, duti, perbelanjaan (termasuk kos undang undang)/selainnya yang Bank mungkin tanggung dan telah timbul sama ada secara langsung/tidak secara langsung/berkaitan dengan keadaan keadaan berikut:

32.1.1. apa apa keingkaran/ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat/mana mana undang undang yang diguna pakai oleh Pemegang Akaun;
32.1.2. kerana menerima sebarang arahan bagi menghentikan bayaran daripada Pemegang Akaun;
32.1.3. kerana melunaskan/tidak melunaskan cek (yang mana berkaitan) berdasarkan arahan Pemegang Akaun/pada pendapat munasabah Bank sendiri;
32.1.4. untuk pematuhan Bank terhadap Terma dan Syarat/undang undang terpakai/amalan industri perbankan;
32.1.5. kelakuan cuai/pengabaian Pemegang Akaun;
32.1.6. Bank menerima arahan daripada Pemegang Akaun yang mana Bank secara suci hati percaya ianya datang dari Pemegang Akaun (sama ada dibenarkan/atau tidak) dan bertindak/gagal bertindak ke atasnya; dan
32.1.7. penguatkuasaan oleh Bank terhadap haknya di bawah Terma dan Syarat.

32.2. Tanggung rugi ini hendaklan berterusan tanpa mengambil kira pembatalan mana mana Mandat/arahan/penutupan Akaun/penamatan Perkhidmatan.

**33. Penyelesaian Pertikaian**

33.1. Semua aduan daripada Pemegang Akaun berkaitan dengan Akaun atau Perkhidmatan hendaklah ditujukan kepada P.O BOX 12617, 50784 Kuala Lumpur, Tel No: 03 21788888, Fax No: 03 21713171, Email: customercare@ambankgroup.com

33.2. Terma dan Syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang undang Malaysia pada masa ianya berkuatkuasa dan Pemegang Akaun bersetuju menyerah diri tanpa syarat kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah mahkamah di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Malaysia untuk memutuskan semua dan atau apa apa pertikaian berkaitan dengan Terma dan Syarat ini. Pemegang Akaun dengan ini mengenepikan apa apa hak untuk membantah berkaitan dengan apa apa tindakan yang dibawa ke mahkamah di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Malaysia, untuk menuntut bahawa tindakan tersebut telah dibawa di dalam forum yang tidak sesuai/untuk menuntut bahawa mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian berkaitan dengan Terma dan Syarat ini.

33.3. Semua kertas kausa pemulaan bagi prosiding undang undang yang dimulakan oleh Pemegang Akaun terhadap Bank di bawah Terma dan Syarat hendaklah diserahkan melalui serahan peribadi atau pos berdaftar kepada alamat berdaftar Bank, pada masa kini adalah Tingkat 22, Bangunan Kumpulan AmBank, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur. Pemegang Akaun bersetuju untuk tidak menyerahkan kertas kausa pemulaan di cawangan Bank yang mana Akaun disenggarakan. Penyerahan sedemikian dianggap sebagai penyerahan yang tidak sempurna ke atas Bank.

33.4. Semua kertas kausa pemulaan bagi prosiding undang undang yang dimulakan oleh Bank terhadap Pemegang Akaun di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah diserahkan melalui serahan peribadi atau pos berdaftar kepada alamat Pemegang Akaun yang terdapat di dalam rekod Bank.

**34. Terma-terma lain**

34.1. Selain daripada kehilangan cek/buku cek/buku simpanan (yang berkaitan), Pemegang Akaun juga bertanggungjawab untuk memaklumkan Bank dengan kadar segera mengenai kehilangan dokumen pengenalan diri supaya Bank boleh mengambil tindakan bagi mencegah penipuan ke atas Akaun.

34.2. Masa, apabila dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah intipati Terma dan Syarat ini.

34.3. Sebarang terma, syarat, penyataan, peruntukan, waad, aku janji yang terkandung di dalam Terma dan Syarat yang telah diputuskan sebagai tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan oleh mana mana tribunal/mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten, tanpa membatalkan peruntukan selanjutnya di sini.

34.4. Kegagalan atau kelewatan Bank di dalam melaksanakan hak atau kuasa yang diberikan kepada Bank di sini tidak boleh ditafsirkan sebagai penepian olehnya.

34.5. Terma dan Syarat hendaklah mengikat waris Pemegang Akaun/wakil peribadi, pemegang serah hak, pengganti hak dan harta pusakanya (yang berkaitan).

34.6. Pemegang Akaun hendaklah atas perbelanjaan sendiri, dengan kadar segera melaksanakan dan menyerahkan kepada Bank dokumen berkenaan, memberi jaminan, dan mengambil tindakan selanjutnya yang Bank boleh dari semasa ke semasa mengkehendaki bagi memberikan Perkhidmatan yang efisien kepada Pemegang Akaun, niat dan tujuan Terma dan Syarat adalah untuk mewujudkan dan memelihara kepentingan Bank dan Pemegang Akaun. Kegagalan Pemegang Akaun untuk menjalankan kewajipan seperti yang dikehendaki akan melepaskan Bank dari semua tanggungan.

34.7. Bagi pelanggan Bank yang tidak mempunyai Akaun memohon kepada Bank untuk memberikan Perkhidmatan, Terma dan Syarat ini adalah terpakai kepada pelanggan sedemikian dan sewajarnya, sebarang kewajipan, akujanji dan waad yang dikenakan ke atas Pemegang Akaun di dalam Terma dan Syarat ini hendaklah juga terpakai ke atas pelanggan sedemikian. 34.8. Pemegang Akaun mengesahkan di sini dan mengakui bahawa:

34.7.1. dia sudah diingatkan dan dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat guaman yang berasingan mengenai kesan dan akibat Terma dan Syarat ini ke atas Pemegang Akaun;
34.7.2. dia tidak bergantung kepada sebarang kenyataan, representasi atau nasihat daripada pekerja/pegawai/ejen Bank;
34.7.3. Bank telah bersetuju untuk memberikan Akaun dan Perkhidmatan dengan bergantung sepenuhnya kepada pengesahan sedemikian; dan
34.7.4. Pengesahan sedemikian akan terus berkuat kuasa dan berkesan selepas pembukaan akaun.